THAM PANG LAN

lwn.

TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI & 1 LAGI

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
DATO' WAN ADNAN BIN ISMAIL H.
[SAMAN PEMULA NO. R2-24-86-93]
29 JUN 1994

KEDIAMAN TERHAD: Perintah tahanan - Akta Kediaman Terhad s. 2(ii) - Samada sah - Samada terdapat lacuna dalam Seksyen 3(i) Akta - Plaintif dikenakan perintah tahanan 22 hari selepas ditangkap - Samada terdapat kelewatan tidak munasabah dalam mengeluarkan perintah - Seksyen 38 Ordinan Tafsiran dan Fasal-Fasal Am 1948 - Samada dipatuhi.

Ini adalah permohonan untuk deklarasi bahawa perintah defendan pertama terhadap plaintif, yang dibuat di bawah s. 2(ii) Akta Kediaman Terhad 1933, menghadkan kediaman plaintif di kawasan Bandaran Pekan Sik, Kedah dan meletakkan plaintif di bawah pengawasan Polis Daerah Pekan Sik, adalah tidak sah di sisi undang-undang dan dengan itu terbatal. Fakta menunjukkan setelah ditangkap pada 19 Julai 1993 dan setelah Alasan-Alasan Menangkap diserahkan kepadanya, plaintif diberi 14 hari untuk membuat rayuan. Tidak ada rayuan dibuat dan seminggu selepas tempoh rayuan tamat, perintah di bawah s. 2(ii) dikeluarkan oleh defendan pertama pada 9 Ogos 1993.

Persoalan penting yang timbul adalah:

(1) Samada dalam halkeadaan kes ini, berlaku kelewatan yang tidak munasabah dalam mengeluarkan perintah di bawah s. 2(ii) Akta dan sekaligus berlaku kegagalan mematuhi peruntukan s. 38 Ordinan Tafsiran dan Fasal-Fasal Am 1948.
(2) Samada berlaku ketidakpatuhan terhadap s. 3(i) Akta apabila defendan pertama menentukan kediaman terhad plaintif di Sik, Kedah, walaupun plaintif hanya berdiam diri dan tidak menamakan tempat tersebut setelah ditanya oleh pegawai penjara tentang tempat yang plaintif ingin tinggal.

Diputuskan:

[1] Tidak berlaku kelewetan di pihak defendan pertama dalam mengeluarkan perintah di bawah s. 2(ii) Akta. Adalah jelas bahawa sebelum perintah di bawah s. 2(ii) tersebut dibuat defendan pertama boleh membuat " such further enquiry as he may deem necessary". Dengan itu tidaklah salah bagi defendan pertama memberi peluang kepada plaintif untuk membuat rayuan dalam masa 14 hari seperti yang dibuat di sini oleh kerana, jika rayuan dibuat, bolehlah defendan pertama menentukan samada "further inquiry" diperlukan. Oleh yang demikian tempoh 14 ini tidak boleh diambil kira untuk mengira kelewatan mengeluarkan perintah di pihak defendan pertama.

[2] Peruntukan s. 3(1) Akta telah dipatuhi apabila pegawai penjara minta plaintif nyatakan tempat yang plaintif ingin tinggal dan tidak ada lacuna dalam peruntukan ini. Peruntukan ini membolehkan plaintif membuat pilihan tempat yang dia ingin tinggal dalam kawasan yang ditetapkan. Jika dia membuat pilihan adalah mandatori dia dibebaskan di tempat itu. Jika dia tidak berbuat demikian, maka terpulang kepada pihak berkuasa untuk membebaskan dia di mana saja asalkan dalam kawasan yang ditentukan dalam perintah.

[Permohonan ditolak].

Kes yang dirujuk:

Phua Hing Lai & 3 Ors. lwn. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & 3 Ors. [1990] 1 CLJ 420 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Akta Kediaman Terhad 1933, ss. 2(i)(ii), 3(i)(ii)
Interpretation and General Clauses Ordinance 1948, s. 38

Bagi pihak plaintif - Gooi Soon Seng; T/n. Gooi & Co.
Bagi pihak defendan - Noorbahari bin Baharuddin, Peguam Kanan Persekutuan

ALASAN PENGHAKIMAN

Wan Adnan bin Ismail H:

Ini adalah satu permohonan untuk satu deklarasi bahawa perintah defendan pertama terhadap plaintif bertarikh 9 Ogos 1993 yang menghadkan kediaman plaintif di kawasan Bandaran Pekan Sik, Kedah dan meletakkan plaintif di bawah pengawasan Polis Daerah Pekan Sik, Kedah adalah tidak sah di segi Undang-Undang dan terbatal.

Pada 12 Julai 1993 defendan pertama telah keluarkan Waran Tangkap Dan Tahan di bawah s. 2(i) Akta Kediaman Terhad 1933 (Akta itu). Alasan-Alasan Menangkap juga dikeluarkan

sebagai Lampiran A. Plaintif telah ditangkap pada 19 Julai 1993 jam 3.15 petang di Jalan 16, Kampong Baru Ampang, Selangor. Pada 20 Julai 1993 jam 8.55 pagi plaintif telah dihantar untuk ditahan di Penjara Pudu, Kuala Lumpur. Pada 9 Ogos 1993 defendan pertama mengeluarkan perintah di bawah s. 2(ii) Akta itu yang memerintahkan supaya plaintif dikehendaki tinggal dalam kawasan Bandaran Pekan Sik, Kedah selama 3 tahun. Pada hari yang sama defendan pertama mengeluarkan perintah di bawah s. 2A(i) yang mengarahkan supaya plaintif ditempatkan di bawah pengawasan polis bagi tempoh 3 tahun.

Alasan pertama plaintif ialah peruntukan s. 38 Interpretation and General Clauses Ordinance 1948 telah tidak dipatuhi. Peruntukan itu berbunyi:

> 38. Where no time is prescribed or allowed within which anything shall be done, such thing shall be done with all convenient speed and as often as the prescribed occasion arises.

Mahkamah Agung dalam kes *Phua Hing Lai & 3 Ors. lwn. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & 3 Ors.* [1990] 1 CLJ 420 berkata:

> It can immediately be observed that there is no time frame given in s. 3(i) of the Enactment. Since no time is prescribed then according to s. 38 of the Interpretation and General Clauses Ordinance, 1948 (similar provision also found in s. 54(2) of the Interpretation Act 1967), then anything which shall be done shall be done with all convenient speed.

Seterusnya Mahkamah Agung berkata:

> Whoever caused the delay must explain; and it is for the Court to decide whether the delay is reasonable under the circumstances.

Adalah dihujah oleh peguam plaintif yang bijaksana bahawa walaupun plaintif telah ditangkap pada 19 Julai 1993 perintah di bawah s. 2(ii) hanya dikeluar oleh defendan pertama pada 9 Ogos 1993. Telah ada kelewatan selama 22 hari. Oleh itu defendan pertama telah gagal bertindak segera. Dia tidak mematuhi s. 38 Interpretation and General Clauses Ordinance, 1948.

Mengikut Peguam Kanan Persekutuan yang bertindak bagi pihak defendan-defendan adalah tidak benar telah berlaku kelewatan selama 22 hari. Defendan pertama dalam perenggan 2 Lampiran A, Alasan-Alasan Menangkap bertarikh 12 Julai 1993 yang diserah kepada plaintif telah memberi masa selama empat belas hari untuk plaintif membuat rayuan. Perenggan 2 itu berbunyi seperti berikut:

> 2. Jika kamu ingin membuat apa-apa rayuan untuk pertimbangan saya, kamu boleh berbuat demikian dalam masa empat belas hari selepas menerima alasan-alasan ini.

Oleh yang demikian defendan pertama tidak boleh bertindak untuk membuat perintah di bawah s. 2(ii) Akta itu sehingga tempoh itu tamat. Ini bermakna perintah itu dibuat selepas 1 minggu tempoh itu tamat.

Peguam plaintif pula berhujah bahawa defendan pertama tidak dikehendaki oleh Akta itu untuk memberi masa untuk membuat rayuan. Tidak ada peruntukan dalam Akta untuk plaintif membuat rayuan. Borang Lampiran A, Alasan-Alasan Menangkap bukanlah satu borang yang ditentukan oleh Akta itu. Oleh yang demikian tempoh 14 hari hendaklah diambil kira untuk mengira kelewatan.

Memang benar Borang Lampiran A, Alasan-Alasan Menangkap bukanlah borang yang ditentukan dalam Akta itu. Ianya disediakan dan diserah kepada plaintif untuk mematuhi Artikel 5(3) Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi:

> 5. (3) Where a person is arrested he shall be informed as soon as may be of the grounds of his arrest and shall be allowed to consult and be defended by a legal practitioner of his choice.

Persoalannya adakah salah bagi defendan pertama memberi masa 14 hari kepada plaintif untuk membuat rayuan? Peruntukan s. 2(i) dan (ii) adalah seperti berikut:

> 2. (i) Whenever it shall appear to the Minister on such written information and after such enquiry as he may deem necessary that there are reasonable grounds for believing that any person should be required to reside in any particular area or should be prohibited from entering into any particular area or areas the Minister may issue an order in one of the Forms in the Schedule for the arrest and detention or, if he is already in prison, for the detention of that person.
>
> (ii) The Minister thereafter **after such further enquiry as he may deem necessary** may make an order in the Form in the Schedule that from a date to be stated in the order, the person do reside in such area as may be specified in the order or do not enter into such area or areas as may be so specified. (emphasis added).

Defendan pertama dalam afidavit yang diikrar pada 7 Januari 1994 berkata:

> 6. Saya telah mengeluarkan ekshibit "MJMA 1" dan "MJMA 2"
>
> (a) Selepas meneliti dan menimbangkan maklumat-maklumat bertulis;
> (b) Selepas berpuashati bahawa tidak perlu diadakan apa-apa inkuiri; dan
> (c) Setelah berpuashati bahawa terdapat sebab-sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa plaintif patut tinggal didalam mana-mana kawasan atau daerah tertentu.

Defendan pertama telah menimbang maklumat bertulis dan pada masa itu dia berpuas hati tidak perlu diadakan apa-apa inkuiri. Tapi sebelum perintah di bawah s. 2(ii) dibuat defendan pertama dibolehkan membuat "such further enquiry as he may deem necessary". Dengan ada peluang diberi kepada plaintif untuk membuat rayuan dan jika rayuan dibuat bolehlah defendan pertama menentukan sama ada "further enquiry" diperlukan.

Pada pendapat saya adalah tidak salah bagi defendan pertama memberi peluang kepada plaintif untuk membuat rayuan. Walaupun plaintif tidak buat apa-apa rayuan defendan pertama tidak boleh bertindak untuk membuat perintah di bawah s. 2(ii) sebelum tempoh itu tamat. Oleh itu masa bagi maksud kelewatan hendaklah bermula hanya selepas tempoh itu tamat. Saya dapati pengeluaran perintah di bawah s. 2(ii) tidak menyalahi peruntukan s. 38 Interpretation and General Clauses Ordinance 1948.

Alasan kedua plaintif ialah peruntukan s. 3(i) dan (ii) Akta itu tidak dipatuhi. Peruntukan s. 3(i) dan (ii) adalah seperti berikut:

> 3. (i) When any such order as is referred to in s. 2 (ii) or s. 2A has been made with reference to any person, he shall be taken before the officer in charge of the prison in which he is detained and the officer in charge shall inform him of the terms of the order and shall deliver to him a copy thereof and **shall require him to state the place in which, consistently with the terms of the order, he desires in the immediate future to reside.**
>
> (ii) As soon as may be after action has been taken under subsection (i), the officer in charge shall hand over the person to whom the order relates, together with a warrant of release in the Form in the Schedule to any Police Officer appointed by the Chief Police Officer to receive him, and **the person shall thereupon be conveyed under police escort to the place wherein he states he wishes to reside and shall there be released.** (emphasis added).

Adalah hujah Peguam plaintif bahawa adalah mandatori bagi plaintif untuk menyatakan tempat yang dia ingin tinggal apabila ditanya oleh pegawai penjara. Tidak ada peruntukan dalam Akta itu apa yang patut dibuat sekiranya plaintif tidak beritahu tempat yang dia ingin tinggal. Terdapat satu lacuna dalam seksyen ini. Mengikut Peguam oleh kerana plaintif tidak nyata tempat yang dia ingin tinggal peruntukan seksyen ini telah tidak dipatuhi apabila plaintif tidak dilepas di tempat yang dia nyata.

Pada pendapat saya peruntukan 3(i) telah dipatuhi apabila pegawai penjara minta plaintif nyatakan tempat yang dia ingin tinggal. Walaupun dia ditanya, plaintif tidak nyatakan. Oleh itu pada pendapat saya peruntukan s. 3(ii) dipatuhi apabila plaintif dibebaskan di mana saja di kawasan yang disebut dalam perintah iaitu Bandaran Pekan Sik, Daerah Sik, Kedah. Tidak ada lacuna dalam peruntukan ini. Peruntukan ini membolehkan plaintif buat pilihan tempat yang dia ingin tinggal dalam kawasan yang ditetapkan. Jika dia buat pilihan adalah mandatori dia dibebaskan di tempat itu. Jika dia tidak buat apa-apa pilihan, terpulang bagi pihak berkuasa untuk membebaskan dia di mana saja asalkan dalam kawasan yang ditentukan dalam perintah.

Alasan ketiga plaintif ialah tahanan plaintif satu hari di Balai Polis Kajang adalah tidak mengikut perintah bertarikh 12 Julai 1993 oleh kerana perintah itu mengarahkan "supaya menangkap Tham Pang Lan yang tersebut di mana juga ia dijumpai dan menyerahkannya ke Penjara di Penjara Pudu, Kuala Lumpur."

Peguam plaintif berhujah bahawa plaintif tidak boleh ditahan di tempat yang lain daripada Penjara Pudu, Kuala Lumpur. Penjara Pudu, Kuala Lumpur mesti menerimanya tidak kira masa.

Ketua Inspektor Foo Kiant Bong dalam afidavitnya yang diikrar pada 27 Disember 1993 telah memberi sebab mengapa plaintif ditahan di Balai Polis Kajang satu malam seperti berikut:

> 1.9 Pada 20 Julai 1993, jam 5.55 pagi, plaintif telah dihantar untuk ditahan di Penjara

Pudu, Kuala Lumpur. Merujuk kepada para 4 afidavit plaintif, plaintif hanya dapat dihantar ke Penjara Pudu pada 20 Julai 1993 adalah kerana hari telah malam dan tugas-tugas dokumentasi perlu disempurnakan bersabit tangkapan plaintif.

Plaintif telah ditangkap pada 19 Julai 1993, jam 3.15 petang. Pada jam 4.05 petang Ketua Inspektor Foo buat pengaduan polis atas tangkapan itu. Mulai jam 4.10 petang dia serah kepada plaintif satu salinan Waran Tangkap dan Tahan serta Alasan-Alasan Menangkap dan menjelas isi kandungan kedua-dua dokumen itu kepada plaintif.

Saya dapati sebab-sebab yang diberi oleh Ketua Inspektor Foo adalah munasabah dan tahanan plaintif di Balai Polis Kajang tidaklah salah kerana pagi-pagi lagi pada esok harinya plaintif telah diserah ke Penjara Pudu, Kuala Lumpur.

Alasan yang keempat ialah plaintif tidak diberitahu sebab-sebab dia ditangkap. Mengikut Peguam plaintif ada keraguan sama ada Ketua Inspektor Foo telah beritahu plaintif sebab-sebab dia ditangkap. Ini kerana pada jam 4.05 petang Ketua Inspektor berada di Rumah Pasong Ampang membuat laporan No. 8510/93 dan tidak mungkin dia dapat berada di Pejabat Polis Kajang jam 4.10 petang.

Tidak ada bukti laporan polis itu dibuat di Rumah Pasong Ampang. Laporan diberi laporan No. 8510/93 Rumah Pasong Ampang kerana tangkapan dibuat di Ampang. Laporan boleh dibuat di Balai Polis Kajang. Walau bagaimanapun, Ketua Inspektor Foo telah menerangkan isi kandungan kedua-dua dokumen itu kepada plaintif pada masa tangkapan dibuat. Ini jelas daripada laporan itu sendiri yang menyatakan:

Semasa menangkap saya telah menerangkan kepadanya isi kandungan Waran Tangkap dan Tahan (Borang A) dan Alasan-alasan Menangkap (Laporan A)...

Dengan sebab-sebab di atas saya tolak permohonan plaintif dengan kos.

VALLIAMAH A/P VALLOO

lwn.

SUPPRAMANIAM A/L YELLAPAN

MAHKAMAH TINGGI, SEREMBAN
DATO' FAIZA TAMBY CHIK H.
[SAMAN PEMULA NO. 24-58-93]
25 OGOS 1993

UNDANG-UNDANG KELUARGA: Bayi plaintif di serahkan kepada defendan - Plaintif memohon injunksi supaya defendan menyerahkan balik anaknya - Plaintif dikatakan telah menandatangani Surat Keizinan Mengambil Anak Angkat - Samada surat tersebut sah - Defendan belum membuat permohonan sah untuk mengambil anak angkat - Samada keizinan plaintif boleh ditarik balik.

Plaintif melahirkan seorang anak perempuan pada 16 Julai 1992. Pada 17 Julai 1992 kakak ipar plaintif telah menyerahkan anak tersebut kepada defendan. Defendan gagal menyerahkan anak tersebut kepada plaintif walaupun plaintif telah memintanya berbuat demikian dan plaintif memohon melalui saman pemula untuk satu perintah injunksi supaya defendan menyerahkan balik anak plaintif kepada plaintif dan suaminya dan untuk satu perintah injunksi larangan supaya defendan dihalang daripada menggangu anak tersebut.

Defendan mengatakan bahawa plaintif dan suaminya telah menandatangani suatu borang surat akuan yang diikrarkan mengikut peruntukan-peruntukan Akta Surat Akuan 1960. Surat ini adalah merupakan Surat Keizinan Mengambil Anak Angkat (D1) dan soalan yang timbul adalah samada surat ini adalah sah dan samada anak tersebut boleh disifatkan anak angkat defendan yang sah disisi undang-undang.

Diputuskan:

[1] Plaintif, yang adalah buta huruf, tidak diberitahu mengenai kandungan D1 dan menurut keterangan beliau hanya diberitahu bahawa D1 adalah resit tanda penerimaan wang yang telah dipinjamkan kepadanya oleh defendan. Dalam suasana kes ini Mahkamah tidak berpuas hati bahawa kedua-dua ibubapa kandung anak tersebut memahami isi kandungan D1 kerana walaupun penjelasan diberi oleh penyaksi tandatangan dalam Bahasa Melayu pasar, dan walau sekalipun bapa kandung anak tersebut faham Bahasa Melayu